

Penternak alami kerugian, 60 ekor kambing mati

UTUSAN

3/5/15

JEMPOL 2 Mei - Seorang penternak kambing terpaksa menanggung kerugian lebih dari RM24,000 selepas 60 ekor kambing miliknya mati secara berperingkat sejak 25 April lalu dipercayai termakan racun tikus.

Abdul Razak Musa, 59, berkata, pada 25 April lalu tiga ekor kambingnya ditemui mati di dalam kandangnya dekat kawasan kebun sawit Felda Gugusan Raja Alias Satu namun dia tidak memandang serius dan menganggapnya satu perkara biasa.

"Pada 29 April saya telah membuat satu laporan polis di Balai Polis Bandar Seri Jempol apabila jumlah kambing yang mati telah meningkat.

"Dalam masa lima hari sahaja 39 ekor kambing ditemui mati dengan keadaan mulut dan hidung berdarah," katanya ketika ditemui di Felda Gugusan Raja Alias Satu dekat sini, hari ini.

Jelasnya, dia mempunyai 130 ekor kambing dan sehingga hari ini 60 ekor kambing mati dan beberapa ekor kambing sudah berada dalam keadaan yang membimbangkan.

Abdul Razak juga menjelaskan hasil pemeriksaan mendapati la-

dang berkenaan telah ditabur dengan racun tikus namun pelaksanaannya tidak dijalankan mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

"Kebun sawit milik saya ini diuruskan oleh Felda Technoplant termasuk urusan penjagaan pokok sawit. Biasanya pekerja di bawah kendalian Techoplant akan menabur racun tikus bagi mengatasi masalah tikus ditanam," katanya.

Abdul Razak yang juga peneroka di kawasan tersebut berkata, tindakan menabur racun secara tidak sistematik amat bahaya dan boleh menimbul-

kan pelbagai masalah dan berharap pihak berkaitan agar dapat memantau kerja yang dilakukan.

"Ini kali pertama ternakan saya mati dengan jumlah yang banyak sejak saya menjadi penternak 25 tahun lalu dan kini saya mengalami kerugian yang besar akibat kelalaian pihak lain.

"Saya juga telah memaklumkan perkara ini kepada pejabat Veterinar daerah dan mereka telah mengambil sampel darah haiwan tersebut. Keputusan ujian itu hanya akan diketahui dalam jangka masa satu bulan," katanya.



ABDUL RAZAK MUSA

